

DOCX.MY BERITA ONLINE ANDA!

Info semasa, Kesihatan, Terkini, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

 www.docx.my

 **DOCX.MY**
SENANG DOWNLOAD

TERKINI RASMI TARIKH PENTING MENGUNDI PRN 2023 & PENAMAAN CALON

PRU15
#mypru15 "Yang Sahih Di RTM"

TARIKH-TARIKH PENTING PILIHAN RAYA UMUM KE-15 6 NEGERI

■ Selangor ■ Pulau Pinang ■ Negeri Sembilan
■ Kedah ■ Kelantan ■ Terengganu

HARI PENAMAAN CALON

29 JULAI 2023 | SABTU

HARI MENGUNDI AWAL


8 OGOS 2023 | SELASA

HARI PENGUNDIAN

12 OGOS 2023 | SABTU

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia



 [beritartm](https://www.facebook.com/beritartm) [beritartm](https://www.instagram.com/beritartm) [beritartm](https://www.youtube.com/beritartm) [berita.rtm.gov.my](https://www.berita.rtm.gov.my)



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 12 / 2023

URUSAN PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN UNDANGAN / DEWAN NEGERI/ DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) KE-15 BAGI NEGERI KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU, PULAU PINANG, SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima **notis pembubaran rasmi Dewan Undangan /Dewan Negeri/Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 bagi negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan** daripada YB Speaker Dewan masing-masing.

2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini dan memutuskan satu PRU DUN Ke-15 hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi dewan seperti berikut:
 - a. **36 kerusi Dewan Negeri Kedah;**
 - b. **45 kerusi Dewan Negeri Kelantan;**
 - c. **32 kerusi Dewan Undangan Negeri Terengganu;**
 - d. **40 kerusi Dewan Undangan Pulau Pinang;**

- e. **56 kerusi Dewan Negeri Selangor; dan**
- f. **36 kerusi Dewan Negeri Negeri Sembilan.**

3. Bagi maksud menjalankan PRU DUN Ke-15, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut:

Tarikh Keluar Writ : 5 Julai 2023 (Rabu)
Hari Penamaan Calon : 29 Julai 2023 (Sabtu)
Hari Mengundi Awal : 8 Ogos 2023 (Selasa)
Hari Mengundi : 12 Ogos 2023 (Sabtu)

4. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **29 Julai 2023 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 11 Ogos 2023 (Jumaat)**.

5. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara telah dibuka bermula dari **15 Jun 2023 (Khamis)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	26 Julai 2023 (Rabu)
2	1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)	8 Julai 2023 (Sabtu)

3	1C (Agensi / Organisasi)	11 Julai 2023 (Selasa)
---	--------------------------	---------------------------

6. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A (Petugas Pilihan Raya, Anggota/Pegawai SPR dan Petugas Media), Kategori 1B (Warganegara Malaysia yang tinggal di luar Negara) dan Kategori 1C (Agensi/Organisasi)**, dilaksanakan secara dalam talian (*online*).

7. Bagi menjalankan proses PRU DUN Ke-15, SPR telah melantik **245 orang Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **740 orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan **252 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.

8. Bagi maksud PRU DUN Ke-15, sebanyak **173 Pusat Penamaan Calon (PPC) dan 186 Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** akan digunakan.

9. Seramai **153,760 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRU DUN Ke-15. Manakala, sebanyak **3,190 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **17,048 tempat mengundi/saluran dan 260 pusat mengundi awal bagi pengundian yang mengandungi 377 tempat**

mengundi/saluran awal akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **3,450 buah dengan 17,425 tempat mengundi/saluran**. PRU DUN Ke-15 dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM420 juta**.

10. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk PRU DUN Ke-15 adalah daftar **pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan April Tahun 2023** yang **dikemaskini sehingga 21 Jun 2023**. DPPR bagi PRU DUN Ke-15 ini mengandungi seramai **9,773,571 orang pemilih yang terdiri daripada 9,674,456 orang pengundi biasa, 49,660 orang tentera serta pasangan, 47,728 orang polis serta pasangan Polis Pasukan Gerakan Am (PGA) dan 1,727 orang Pengundi Tidak Hadir Luar Negara**. DPPR bagi PRU DUN Ke-15 dijadualkan akan mula dijual pada **17 Julai 2023 (Isnin)**.
11. Para pengundi boleh membuat **semakan maklumat pengundian** untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau hubungi **Hotline SPR di talian 03-8892 7018/ 7218/ 7124** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Semakan boleh dibuat juga **mulai 17 Julai 2023 (Isnin)**.
12. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRU DUN Ke-15, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri seluruh negara sebelum Hari Penamaan

Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.

13. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.
14. SPR turut menawarkan kepada mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mana-mana badan yang berminat untuk menjadi pemerhati pilihan raya bagi melihat perjalanan proses PRU DUN Ke-15 bermula pada Hari Penamaan Calon sehingga Keputusan Pilihan Raya diumumkan. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti di PPC, pusat-pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan PPRU serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan oleh SPR.
15. Permohonan untuk menjadi Pemerhati Pilihan Raya telah **dibuka** pada **15 Jun 2023 (Khamis)** dan akan **ditutup** pada **7 Julai 2023 (Jumaat)**. Permohonan masih boleh dikemukakan kepada SPR melalui e-mel pemerhati@spr.gov.my. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.spr.gov.my>.
16. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran

Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.

17. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
5 Julai 2023 / 16 Zulhijah 1444H